



# An-Nasihah

Berpesan-pesan dengan kebenaran & kesabaran

UNTUK SEBARAN UMUM

RAMADHANI 432H

## BEBERAPA AMALAN SUNNAT UTAMA RAMADHAN

- Bersahur
- Melewatkan sahur
- Menyegerakan berbuka puasa apabila masuk waktu
- Berbuka puasa dengan sederhana
- Membaca dan mempelajari al-Quran
- Perbanyakkan menderma
- Menghidupkan malam dengan ibadah
- Berdoa
- Menjauhi perkara-perkara lalai dan dosa
- Beri'tikaf di masjid
- Mengeratkan persaudaraan sesama Muslim

## KEUTAMAAN LAILATUL-QADR



Malam al-Qadr adalah malam yang paling utama sepanjang tahun, berdasarkan firman ALLAH Ta'ala, ertinya:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Quran) pada Lailatul-Qadr. Tahukah kamu apakah Lailatul Qadr? Lailatul-Qadr lebih baik dari seribu bulan.” (Surah al-Qadr: 1-3)

Maksudnya, beramal pada malam tersebut seperti solat, dzikir dan membaca al-Quran lebih utama dari amal selama seribu bulan yang tidak mempunyai Lailatul-Qadr.

### Di Malam Mana Berlakunya Lailatul-Qadr?

Ada beberapa pendapat dari para ulama dalam menentukan malam yang mulai ini.


Di antara mereka ada yang mengatakan bahawa ia adalah malam kedua puluh satu, ada pula yang mengatakan bahawa ia adalah malam kedua puluh tiga, ada yang berpendapat malam kedua puluh lima, dan ada yang

## GANDAKANLAH AMALAN IBADAT PADA 10 MALAM TERAKHIR RAMADHAN

Aisyah radhiAllahu 'anha berkata:

**“Bahawa Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam apabila masuk sepuluh terakhir bulan Ramadhan, diramaikannya waktu malam, dibangunkannya ahli keluarganya dan diikat erat kain sarungnya.”**


(HR Bukhari & Muslim)



www.muzir.wordpress.com

**PERINGATAN:** Kita kini di akhir Ramadhan. Jangan perlahan pecutan ibadah tuan/puan. Tingkatkan pecutan semangat dan gandakan usaha dalam beribadah!

## (Samb) Keutamaan Lailatul-Qadr



berkata ia berlaku pada malam kedua puluh sembilan, serta ada yang mengatakan bahawa ia berpindah-pindah pada malam-malam yang ganjildari sepuluh hari yang terakhir.

Tetapi kebanyakan mereka berpendapat bahawa jatuhnya Lailatul-Qadr ialah pada malam kedua puluh tujuh.

Diriwayatkan oleh Ahmad dengan isnad yang sah dari Ibnu Umar radhiAllahu

'anhu katanya telah bersabda Rasulullah sallAllahu 'alaihi wasallam: **"Barangsiapa mencarinya, hendaklah dicarinya pada malam kedua puluh tujuh!"**

Namun, dinasihatkan kepada semua jangan hanya menumpukan kepada satu-satu malam sahaja beribadah. Hendaklah berterusan ibadah kepada ALLAH setiap hari, dan diberi penumpuan yang lebih kepada 10 hari terakhir Ramadhan.

ALLAHU A`LAM

### IBADAH I`TIKAF DI MASJID

Ibnu Umar r.a berkata:

"Rasulullah saw. selalu beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan."

(HR al-Bukhari & Muslim)

Aisyah r.ha berkata:

"Rasulullah saw. selalu beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan sehingga Beliau saw dipanggil ALLAH Ta'ala, kemudian setelah beliau saw wafat, isteri-isterinya meneruskan kebiasaan Beliau itu."

(HR al-Bukhari & Muslim)

### DOA YANG PATUT DIBACA JIKA DAPAT BERTEMU LAILATUL-QADR

Nabi sallAllahu 'alaihi wasallam pernah mengajar 'A'ishah radhiAllahu 'anha agar membaca doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ  
العَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

**"Ya ALLAH, sesungguhnya ENGKAU Maha Pengampun. ENGKAU suka berikan keampunan.**

**Maka ampunkanlah diriku ini."**

### Contoh Senarai Semak (Checklist) Untuk 10 Akhir Ramadhan:

Amalan	10 Terakhir Ramadhan									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Solat fardhu berjemaah (*M,I,S,Z,A)										
Membaca atau mempelajari al-Quran										
Bercakap hanya hal2 yg baik atau Diam										
Menderma										
I'tikaf di masjid										
Solat tarawih										
Solat tahajjud & sunnat2 yang lain										
Lain-lain amalan2 sunnah										
1-										
2-										
3-										

\*M=Maghrib, I=Isyak, S=Subuh, Z=Zuhur, A=Asar